

MAKLUMAT TAMBAHAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Antara pelan mitigasi bagi mengurangkan sebarang implikasi ke atas semua kawasan sediada di sepanjang koridor pembinaan Lebuhraya Pantai Barat (WCE) Banting, Selangor hingga ke Changkat Jering, Perak yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Mengadakan sesi '*townhall*' bagi projek pembangunan Lebuhraya Pantai Barat (WCE) bersama pemimpin tempatan, jabatan / agensi Kerajaan dan penduduk setempat mengikut keperluan bagi membincangkan serta menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh penduduk setempat berhubung kesan daripada projek pembinaan Lebuhraya WCE;
2. Menjalankan kerja-kerja pembersihan dan menyelenggara sungai dan saliran sediada dalam kawasan pembinaan Lebuhraya WCE secara berkala sepanjang tempoh pembinaan;
3. Melaksanakan, menyelenggara dan menambahbaik Pelan Kawalan Hakisan dan Pemendapan (*Erosion and Sediment Control Plan – ESCP*) seperti menyediakan beg pasir (*sand bag*), pagar lumpur (*silt fence*), pemeriksaan empangan (*check dam*), longkang sementara (*temporary drain*), penanaman rumput (*turfing*), kolam takungan mendapan (*sediment basins*) dan lain-lain amalan pengurusan baik (*best management practices*) di sepanjang tempoh pembinaan sepertimana syarat-syarat kelulusan EIA.

Pihak syarikat konsesi iaitu West Coast Expressway Sdn. Bhd. (WCESB) juga telah memberikan komitmen sewajarnya bagi memastikan kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan jalan serahan dalam keadaan baik dan sebarang aduan dapat diselesaikan untuk keselesaan serta keselamatan pengguna.

Pihak Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap segala isu atau masalah berbangkit berhubung pembinaan lebuhraya WCE ini melalui saluran-saluran aduan sedia ada sama ada melalui Kerajaan Negeri, Kementerian atau terus kepada agensi bertanggungjawab.